

UMPSA bakal jadi tumpuan pengunjung Program JMU 2024 Zon Timur II

Oleh [Wartawan BH](#) - Mei 29, 2024 @ 10:36am



Orang ramai dijemput untuk hadir sempena Jom Masuk U 2024 Zon II yang akan diadakan pada 1-2 Jun di Kompleks Sukan UMPSA di Gambang.

KUANTAN: Lebih 20,000 pengunjung disasarkan hadir pada Program Jom Masuk U 2024 (JMU2024) Zon Timur II anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dengan kerjasama Strategik Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) pada 1-2 Jun ini di Kompleks Sukan UMPSA, Gambang.

Siri jelajah JMU 2024 sejak 4 Mei 2024 hingga 9 Jun 2024 di sepuluh zon terpilih seluruh negara merupakan pusat sehenti pendidikan tinggi negara yang menghimpunkan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) awam dan swasta; Institusi Latihan Kemahiran Awam & Swasta; agensi-agensy pembiayaan dan penajaan; pengesahan kelayakan; termasuk siri-siri perkongsian yang berfaedah kepada semua.

Karnival ini bakal menyaksikan lebih 70 reruai berkaitan pendidikan tinggi yang ditawarkan oleh institusi pendidikan tinggi di bawah KPT yang merangkumi Universiti

Awam (UA), Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), Politeknik, Kolej Komuniti (KK) serta penglibatan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA). Terdapat juga pameran universiti awam dan IPTS, agensi penajaan, sesi konsultasi UPUOnline, konsultasi penajaan/ biasiswa/ pinjaman dan bantuan kewangan pendidikan tinggi.

Naib Canselor UMPSA, Prof Datuk Dr Yuserrie Zainuddin, berkata bersesuaian dengan minggu cuti persekolahan ini, ibu bapa boleh membawa anak-anak mereka untuk berkunjung ke program JMU 2024 di UMPSA Kampus Gambang.



Naib Canselor UMPSA, Prof Datuk Dr Yuserrie Zainuddin.

Tengku Mahkota Pahang Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Riayatuddin Al-Mustaffa Billah Shah yang juga Pro Canselor UMPSA berkenan berangkat mencemar duli menyempurnakan Majlis Perasmian Jom Masuk U 2024 (JMU2024) Zon Timur II pada 1 Jun 2024 di Kompleks Sukan UMPSA Gambang.

Yuserrie berkata, penganjuran Program JMU 2024 membantu membuka mata dalam membuat keputusan untuk memilih kursus yang sesuai dengan kelayakan serta mengatur laluan kerjaya bagi masa depan mereka.

JMU 2024 menasarkankan kumpulan pelajar yang menduduki peperiksaan SPM, STPM, Matrikulasi, Asasi, STAM dan Diploma/Setaraf termasuk pelajar sekolah menengah dan rendah supaya mereka mendapat pendedahan awal berkenaan laluan pendidikan tinggi.

Ditambah pula pengumuman keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dilaksanakan pada 27 Mei 2024, pastinya inilah masa yang sesuai buat mereka mendapatkan

nasihat pengajian yang bersesuaian dengan minat dan pilihan dengan berkunjung ke JMU 2024 yang berlangsung selama dua hari, katanya.

Selain itu, katanya, pelaksanaan Laluan Pendidikan Graduan TVET: Penambahbaikan Laluan Pendidikan Graduan TVET, Lulusan Diploma TVET berpeluang untuk mereka melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi berdasarkan kesesuaian bidang berkaitan.

Justeru, pelajar lepasan diploma Politeknik melalui kolaborasi strategik Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) dan Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) juga berpeluang untuk menyambung pengajian ke peringkat Sarjana Muda (Teknologi Kejuruteraan) dalam bidang TVET.

Pelbagai aktiviti menarik ditawarkan sepanjang Jom Masuk U 2024 berlangsung antaranya Hari Terbuka UMPSA, Minggu TVET @ UMPSA, persembahan pelajar, forum dan bual bicara bersama alumni, Pod Cast TVET , pameran TVET dan STEM, demonstrasi dron, persembahan pelajar, Street Science, karnival keusahawanan, pertandingan mewarna Kanak -kanak, pemeriksaan kesihatan , pencarian bakat personaliti mahasiswa : Wartawan Kampus dan Jurufoto.

Turut menampilkan kelainan bagi Jom Masuk U Zon Timur II 2024 kali ini, pempengaruh media sosial dikenali sebagai Amin X Abid yang akan turut serta memeriahkan program.

Pelajar sekolah yang hadir ke program ini juga berpeluang merasai suasana kampus melalui pengisian program Campus Tour@UMPSA dan mereka akan di bawa melawat ke sekitar kampus serta makmal di UMPSA.

Sepanjang program Jom Masuk U 2024 ini juga, calon-calon lepasan SPM dan STPM/Setaraf turut boleh memohon dan mengemaskini permohonan UPUOnline yang dibuka pada permohonan Fasa 2 sejak 29 April 2024 (12.00 tengah hari) hingga 09 Jun 2024 (5 petang).

Majlis Perasmian Jom Masuk U 2024 telah berlangsung di UiTM Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar pada 4-5 Mei lalu, manakala Majlis Penutupan Jom Masuk U 2024 pula akan diadakan di UiTM Cawangan Sabah, Kampus Kota Kinabalu pada 8-9 Jun nanti.

Layari <https://jmu2024.umpsa.edu.my/index.php> untuk mendapatkan maklumat program Jom Masuk U 2024 Zon Timur II.